

01/09/1997

Perodua lancar Kancil berwajah baru

Abdul Halim Yusoff

PERUSAHAAN Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), melancarkan wajah baru Kancil sejajar aspirasi syarikat pengeluar kereta nasional kedua itu untuk melancarkan perubahan luaran setiap tahun sehingga 2001.

Ia juga selaras dengan matlamat pengeluar kereta nasional kedua itu untuk menjadikan kenderaan keluarannya sebagai kereta rekaan tempatan sepenuhnya selepas tempoh berkenaan.

Pengarah Urusan Perodua, Datuk Abdul Rahman Omar, berkata sasaran itu perlu dilakukan kerana hingga kini syarikat lebih sebagai pemasang kenderaan berikutan pelbagai keputusan berhubung rekaan kereta masih dilakukan rakan kongsi asingnya.

"Keputusan berhubung rekaan termasuk rekaan luaran kereta inipun hingga kini diputuskan oleh rakan kongsi Perodua dari Jepun," katanya selepas pelancaran wajah baru Kancil untuk media dan pagedarnya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Perodua Kancil pertama kali dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Ogos 1994. Sejak itu ia sudah memperkenalkan pelbagai model seperti EZ, versi automatik kepada versi 660 cc, Kancil Era dan tahun lalu, Kancil 850 cc.

Abdul Rahman berkata, rupa baru Kancil itu diunjurkan untuk meningkatkan jualan Kancil yang kini sudah 130,000 unit berada di pasaran Malaysia, Brunei, Malta, Cyprus, Mauritius dan United Kingdom.

"Pelanggan pasti tertarik melihat rupa baru Kancil yang didatangkan tanpa sebarang perubahan harga, dengan versi 660cc masih dijual antara RM24,833.74 hingga RM33,465.84 dan antara RM28,900 hingga RM36,165.98 untuk versi 850 cc."

"Perodua juga merancang melancarkan model Kancil 850 cc GX EFi dan 850 cc EZ EFi yang belum lagi diputuskan harganya kini," katanya.

Menurut Abdul Rahman, aspirasi untuk menjadi pengeluar kereta Malaysia sepenuhnya begitu mendesak, untuk itu Perodua memperuntukkan RM2.3 bilion bagi meningkatkan keupayaan operasi sebagai pengeluar kereta Malaysia pada 2001.

"Pelaburan besar itu juga kritikal sejajar untuk memenuhi cabaran industri automobil menjelang Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) pada 2003," katanya.

Abdul Rahman berkata, berikutan kelembapan pemindahan teknologi seperti yang diharapkan Perodua mengunjurkan mengadakan kerjasama dengan dua syarikat British, dua Jerman, tiga Itali dan satu syarikat Australia untuk meningkatkan kecekapannya terutama dalam rekaan kereta.

Katanya, peruntukan besar itu akan digunakan untuk memenuhi konsep Afta pada 2003 yang akan mengurangkan pengenaan tarif yang menghasilkan kurang persaingan antara negara Asean.

Katanya, peruntukan itu termasuk RM700 juta untuk meningkatkan keupayaan loji pengeluaran di Rawang dan memperkenalkan barisan pemasangan baru untuk memenuhi sasaran pengeluaran 250,000 kereta setahun.

Kini, loji pengeluaran di Rawang mempunyai keupayaan pengeluaran 120,000 unit setahun.

Abdul Rahman berkata, Perodua mengunjurkan 30 peratus daripada pengeluarannya di masa hadapan adalah untuk pasaran eksport.

(END)